

12 JUN 2003

Syed Hamid-Turki

KL, ANKARA TANDATANGANI MoU SEMPENA LAWATAN PM TURKI

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Turki akan memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) di bidang tenaga dan pengurusan air sempena lawatan Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan selama tiga hari bermula esok.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita di sini hari ini.

Selain itu, beliau berkata kedua-dua negara juga dijangka berbincang mengenai bagaimana meningkatkan hubungan dua hala termasuk di bidang ekonomi perdagangan, kebudayaan dan pelancongan. Nilai perdagangan dua hala kini ialah RM200 juta setahun.

"Kita sanjung tinggi keputusan beliau sebagai seorang perdana menteri baru untuk melawat negara kita," katanya sambil menjelaskan bahawa peluang lawatan itu akan digunakan oleh Malaysia dan Turki untuk bertukar-tukar fikiran mengenai hubungan dua hala dan antarabangsa.

Syed Hamid berkata Malaysia juga berminat mengintai pasaran di Turki untuk produk minyak sawitnya.

Syarikat-syarikat Malaysia juga digesa menerokai peluang dalam aktiviti ekonomi di Turki termasuk pembinaan jalan dan lebuhraya berdasarkan kepakaran yang dipunyai mereka.

Syed Hamid berpendapat lawatan itu menunjukkan Turki serius dalam usahanya menjalin hubungan dengan Malaysia, iaitu antara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam yang terpilih untuk dilawati pemimpin negara berkenaan.

Erdogan dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pagi esok sebelum mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini pada sebelah petang.

Beliau disertai oleh rombongan sebanyak 200 orang termasuk lima menteri dan sembilan anggota Parlimen.

-- BERNAMA

MAM MAM RON